

# Syor jumlah pesakit kategori 3 hingga 5 dijadikan nilai ambang utama PPN

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pakar kesihatan mengesyorkan jumlah pesakit COVID-19 dalam kategori 3 hingga 5 dijadikan nilai ambang utama dalam menentukan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN), bukan lagi berpandukan keseluruhan kes harian yang direkodkan.

Pakar virologi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Yahya Mat Arip dan pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berkongsi pandangan bahawa jumlah pesakit kategori 3 hingga 5 lebih tepat untuk dijadikan sandaran sebagai nilai ambang PPN.

Ia boleh bersandarkan jumlah pesakit dalam kategori berkenaan di hospital yang jumlahnya juga dijangka menyaksikan penurunan selepas ini, susulan kadar vaksinasi negara yang semakin meningkat dengan lebih 500,000 suntikan diberi setiap hari dalam tempoh enam hari berturut-turut sehingga kelmarin.

Perkembangan itu dan juga penggunaan nilai ambang baharu, diharap dapat memberi ruang untuk sektor ekonomi negara bersama sektor-sektor lain yang sesuai termasuk aktiviti sosial, dapat dibuka dengan lebih cepat melalui kelonggaran sekatan tertentu yang dikenakan ke atas rakyat.

Nasional 4

# Nilai ambang tepat bolehkan ekonomi dibuka lebih cepat

Dari Muka 1

Mengulas syor berkaitan nilai ambang baharu, Dr Yahya berkata, cadangan itu berikutan prestasi liputan vaksin negara yang semakin meluas, disokong dengan perubahan pola jangkitan dalam kalangan warga emas atau individu berusia 60 tahun ke atas yang mula menyusut kebelakangan ini.

“Penyusutan kadar jangkitan, kes kematian dan kemasukan ke hospital dalam kalangan individu dalam usia berkenaan selari perkembangan yang berlaku di luar negara.

“Oleh itu, lebih tepat kita guna pesakit kategori 3 hingga 5 sebagai petunjuk atau nilai ambang dalam PPN, berbanding kadar kes harian seperti sekarang,” katanya.

Mengambil kira kaitan antara liputan vaksin dan pesakit kategori 3 hingga 5, beliau berkata, ia petunjuk nilai ambang yang lebih tepat untuk dimasukkan dalam PPN, sekali gus memberi peluang untuk pembukaan ekonomi secara lebih cepat.

“Selain itu, kesan domino daripada liputan vaksin bakal menyaksikan bebanan tugas susulan kemasukan pesakit dan penggunaan katil di ICU akan berkurangan,” katanya.

Minggu lalu, Menteri Kewangan merangkap Menteri Penyelaras PPN, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dilaporkan berkata, perbincangan bersama Kementerian Kesihatan (KKM) sedang dijalankan bagi penukaran nilai ambang teruta-

ma bagi Fasa 3 PPN apabila vaksinasi lengkap berjaya diberikan kepada 40 peratus penduduk dewasa negara.

Kelmarin, jumlah vaksinasi harian COVID-19 di negara ini mencatat angka melebihi 500,000 dos buat hari keenam berturut-turut dengan 519,111 dos suntikan diberikan, membabitkan 316,492 dos pertama dan 202,619 dos kedua.

Secara kumulatif, 20,533,660 dos sudah diberikan kepada penduduk di negara ini menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dimulakan sejak 24 Februari lalu.

Daripada jumlah itu, 13,816,971 suntikan vaksin dos pertama, manakala 6,716,689 dos kedua.

Semalam, Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin, menyatakan keyakinan, 50 peratus penduduk berusia 18 tahun ke atas di negara ini akan melengkapkan dua dos vaksin COVID-19 menjelang 31 Ogos ini.

Katanya, sasaran itu mampu dicapai susulan kadar vaksinasi yang tinggi ketika ini, selain 29 peratus daripada penduduk dewasa sudah melengkapkan kedua-dua dos vaksin setakat ini, manakala 59 peratus lagi penduduk sudah menerima satu dos.

Bagi Dr Malina pula, jumlah pesakit kategori 3 hingga 5 lebih tepat untuk dijadikan sandaran sebagai nilai ambang PPN kerana risiko kematian pesakit dalam tiga kategori itu mula mengalami radang paru-paru dan gejala lain lebih tinggi, berbanding kategori 1 dan 2.

“Banyak kes kematian yang tidak dapat dielakkan membabit-

“Lebih tepat kita guna pesakit kategori 3 hingga 5 sebagai petunjuk atau nilai ambang dalam PPN, berbanding kadar kes harian seperti sekarang”

Dr Yahya Mat Arip,  
Pakar virologi USM



kan pesakit kategori 3 hingga 5. Justeru, kita kena bagi sistem perkhidmatan kesihatan awam lega dahulu, sebelum mana-mana negeri berupaya beralih ke fasa seterusnya dalam PPN.

“Dari segi angka tepat untuk digunakan sebagai nilai ambang, pakar ekonomi harus tetapkan dan buat penilaian kerana setiap negeri mempunyai indeks tahap perkhidmatan kesihatan yang berbeza,” katanya.

Sementara itu, Dr Yahya ketika mengulas mengenai program vaksinasi, meminta pendekatan sewajarnya ke arah terus meningkatkan pendaftaran dan memperluaskan liputan vaksin dilaksana secepat mungkin berikutan statistik setakat Khamis lalu, menunjukkan lebih 50 peratus pesakit kategori 1 adalah yang belum menerima vaksin.

“Adakah mereka langsung tidak mendaftar mendapatkan

“Kita kena bagi sistem perkhidmatan kesihatan awam lega dahulu, sebelum mana-mana negeri berupaya beralih ke fasa seterusnya dalam PPN”

Dr Malina Osman,  
Pakar epidemiologi UPM



suntikan pelalian, selain terdiri daripada golongan antivaksin atau berada di ‘atas pagar’? Golongan ini berisiko menjangkiti orang lain dan berdepan kemungkinan keadaan kesihatan bertambah teruk, walaupun tiada gejala pada awalnya.

“Secara asasnya, setiap jangkitan akan bermula dengan kategori 1 sebelum keadaan kesihatan pesakit merosot ke kategori 3 hingga 5 yang memerlukan bantuan pernafasan dan menambatkan beban tugas di ICU.

“Jika liputan vaksin ditingkatkan, kemungkinan pesakit kategori 1 dan 2 alami kemerosotan kesihatan sehingga masuk kategori 3 hingga 5 adalah kurang,” katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau mengunjurkan Malaysia berupaya mencapai liputan imunisasi bagi individu dewasa sebanyak 100 peratus dalam tempoh

12 minggu lagi dengan jangkakan 40 peratus dalam kumpulan usia itu mendapat pelalian menjelang pertengahan bulan ini.

Jangkakan itu bersandarkan purata kadar inokulasi 500,000 dos sehari, dengan dua perlima daripadanya atau 200,000 dos membabitkan suntikan dos kedua.

Menggunakan kaedah perhitungan sama, liputan vaksin bagi individu dewasa di negara ini bakal mencecah 60 peratus pada minggu pertama September.

Sekiranya momentum sedia ada berupaya diteruskan dan tiada sentimen penolakan vaksin, katanya, negara dijangka mencapai liputan imunisasi bagi individu dewasa 100 peratus dalam tempoh 12 minggu lagi atau menjelang awal November.

Sementara itu, Komander Pusat Arahan Bersepadu Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STF), Datuk Dr Chong Chee Kheong, berkata kes harian COVID-19 dijangka mencatatkan penurunan pada pertengahan Ogos, susulan langkah kerajaan meningkatkan kadar pemberian vaksin di Lembah Klang menerusi Operasi Lonjakan Kapasiti.

“Meskipun wujud penularan varian Delta, pemberian vaksin dijangka memberikan kesan positif ke arah penyusutan kemasukan ke hospital dan kes kematian.

“Kita hanya perlu bertahan untuk sementara waktu, lakukan yang terbaik bagi membantu keluarga dan satu sama lain, selain petugas barisan hadapan dengan mengambil suntikan vaksin serta patuh kepada prosedur operasi standard (SOP),” katanya.